

JAWAPAN

TAJUK
4

Seni Arca

- A 1. D
2. C
3. D
4. D
5. D
6. B
7. A
8. D
9. C


B

Arca	Catatan
	<p>Media : Arca dinding Sebab : Arca ini adalah gabungan catan dan arca. Boleh diletakkan di atas meja, di atas permukaan dinding. Bahan yang digunakan seperti logam, kayu. Menggunakan teknik paku, lekat, tampal atau gantung.</p>
	<p>Media : Arca binaan Sebab : Dihasilkan sama ada dengan kerangka atau tidak berkerangka. Bahan yang digunakan seperti kayu, batu simen, logam, dawai, keluli dan sebagainya</p>
	<p>Media : Arca luakan Sebab : Dihasilkan dengan membuang, memotong, atau mengurangkan bahagian-bahagian tertentu. Teknik arca jenis ini banyak digunakan sejak zaman pra sejarah. Bahan yang digunakan seperti tanah liat, marmar, plaster of paris, bongkah kayu dan bahan-bahan lain yang mudah diukir atau diluakan.</p>
	<p>Media : Arca acuan Sebab : Mempunyai acuan tertentu mengikut ciptaan pengarcanya. Bahan yang digunakan POP, simen, lilin, tanah liat.</p>

C

Jenis arca	Definisi	Arca
Arca estetik	Merupakan arca yang dijadikan bahan peragaan atau tatapan sahaja. Arca ini dipamerkan di ruang galeri atau ruang dalam bangunan sebagai penghias.	 
Arca berfungsi	Arca yang bukan sahaja mempunyai nilai estetik tetapi digunakan untuk tujuan atau kepentingan seperti sebuah kerusi untuk tempat duduk dan tempat permainan kanak-kanak.	 

D



E Arca Raja Shahriman Raja Aziddin bertajuk *Takhta Perebutan*, 1997. Raja Shahriman sememangnya sentiasa tampil dengan sentuhan magis dalam hampir setiap instalasi yang dihasilkan. Arca ini berkisarkan politik, kuasa dan pertarungan. Raja Shahriman bermain dengan isu yang lebih besar dan berfalsafah tinggi bagi penampilan karya ini. Kerusi merupakan simbol kepada kedudukan dan kuasa seseorang. Selain itu, Raja Shahriman melengkapkan kerusi tersebut dengan kelengkapan perang bagi menggambarkan kekuatan dan kekuasaan pemilik kerusi tersebut. Arca instalasi ini stabil dengan empat kaki walaupun kedua-dua kaki kerusi di bahagian hadapan berbentuk tajam dihujungnya.

F



Arca berfungsi merupakan seni arca yang mempunyai nilai gunaan di samping menjadi sebuah karya seni tampak. Dalam seni tradisi, kebanyakan objek 3 dimensi seperti hulu keris, tembikar, kukur kelapa dan jebak puyuh dibuat dengan penuh kesenian bagi memenuhi naluri estetik tukang arca

dan khalayak. Selain keindahan, objek-objek tersebut juga mempunyai fungsinya. Pada masa kini arca berfungsi semakin kreatif dihasilkan pada objek-objek kegunaan harian. Manakala arca estetik dibuat semata-mata untuk tujuan kesenian. Arca dipamerkan di tempat awam maupun tertutup. Arca estetik dinilai dari sudut kesenian sahaja tanpa mengambil kira soal kebolehgunaannya.

G



Arca yang diperbuat daripada span bunga ini merupakan arca estetik. Arca ini bermotifkan sebuah kereta. Span dipotong kepada beberapa bahagian untuk dijadikan bahagian-bahagian kereta. Setelah itu, bahagian-bahagian yang dipotong itu dicantumkan menjadi arca yang menggunakan kaedah arca binaan. Bahagian tayar dipasang dengan kukuh dan stabil.